

28/05/1997

Permohonan bertapak di MSC meningkat

SETAKAT ini hanya 14 syarikat sudah diberikan taraf Koridor Raya Multimedia (MSC) yang mana masing-masing membuat pelaburan antara RM50 juta (AS\$20 juta) dan RM250 juta (AS\$100 juta).

Pengerusi dan Ketua Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop, jumlah itu dijangka bertambah apabila sebuah syarikat lagi akan menerima taraf itu bulan depan.

Katanya, kerajaan menerima sambutan yang menggalakkan daripada syarikat yang ingin bertapak di MSC.

"Purata permohonan diterima ialah antara 16 dan 20 pemohon setiap bulan daripada syarikat berminat. Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke London bagi memperolehi sokongan untuk MSC amat berjaya," katanya - Bernama.

(END)